

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 NOVEMBER 2015 (AHAD)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Industri sains, teknologi perlu diperkukuh hadapi TPPA	Berita Harian
2.	Sukar kesan penggodam telefon pintar	Metro Ahad
3.	1,000 sekolah berentap dalam Cabaran Sains Kebangsaan 2015	Mingguan Malaysia
4.	Siap siaga hadapi banjir	Berita Harian
5.	Be proactive during monsoon	The Star

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 1 NOVEMBER 2015 (AHAD)

Industri sains, teknologi perlu diperkukuh hadapi TPPA

Kuala Lumpur: Industri berteraskan sains dan teknologi di negara ini perlu diperkukuhkan, sebelum Malaysia menandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau, menyifatkan prestasi dan kemampuan pelbagai industri tempatan jauh ketinggalan berbanding syarikat antarabangsa.

Sehubungan itu, katanya, dasar bersesuaian perlu dirangka untuk melonjak kemampuan industri berteraskan sains dan teknologi di Malaysia, selain dibantu penyaluran dana mencukupi daripada kerajaan.

"Tanpa sains, teknologi dan inovasi, kita tiada peluang untuk bersaing dengan pelbagai syarikat 'gergasi' apabila TPPA ditandatangani kelak.

"Justeru, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, menyalurkan peruntukan besar menerusi Bajet 2016 terhadap aspek sains dan teknologi bagi memastikan kita mampu bersaing di persada antarabangsa.

"Pembahagian dana ini perlu diperhalusi supaya setiap prestasi bidang penyelidikan yang ingin diterokai Malaysia dilaksanakan

secara komprehensif," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Perhimpunan Agung Akademi Sains Malaysia (ASM) Ke-8, bertemakan 'Pernan Akademi Dalam Dunia Global'.

Yang turut hadir, Presiden

Madius Tangau

ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali dan Pengerusi Panel Pemilih Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia (TRSM), Tan Sri Dr Yusof Basiron.

14 saintis terima anugerah

Seramai 14 saintis dari pelbagai institusi pengajian tinggi menerima Anugerah TRSM, selain diberi peranan sebagai rujukan atau pangkalan data mengikut bidang kepakaran masing-masing.

Pemilihan TRSM adalah dari kelompok saintis di Malaysia yang cemerlang dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI) serta diiktiraf pada peringkat nasional serta antarabangsa.

Selain itu, penerima perlu terbabit secara aktif dalam penyelidikan dalam tempoh lima tahun dengan sumbangan sekurang-kurangnya 10 tahun kumulatif ke arah kemajuan STI.

Madius berkata, kerajaan menyasar lebih ramai saintis muda berprestasi tinggi, selain mempunyai minat untuk menerokai bidang penyelidikan baharu yang berupaya memacu ekonomi negara.

"Galakan dan panduan perlu diberikan kepada golongan saintis muda supaya mereka boleh tampil sebagai peneraju bidang penyelidikan, sekali gus merencanakan pembangunan teknologi di Malaysia," katanya.

Sukar kesan penggodam telefon pintar

Kuala Lumpur: Sukar untuk mengesan pihak yang menggodam telefon pintar sebelum menyebarkan maklumat atau data peribadi yang dicuri ke dalam Internet.

Menurut jurucakap CyberSecurity Malaysia, agensi itu akan membantu mangsa untuk membuat laporan kepada pengendali laman media sosial berkenaan seperti Facebook dan meminta mereka menyekat akaun terbabit.

Katanya, tindakan itu bukan jaminan si pelaku boleh dikesan kerana mereka akan menggunakan identiti palsu atau menyamar menjadi individu lain di media sosial sekali gus sukar untuk membuktikan mereka adalah suspek.

Menurutnya, melaporkan insiden keselamatan siber bukan wajib untuk individu berkenaan namun agensi itu bersedia untuk membantu dan memberi maklumat balas terhadap aduan dan laporan diterima.

"Biasanya mangsa akan membuat laporan polis kerana berasa terancam dengan penyebaran maklumat atau data peribadi miliknya selain ada segelintir daripada mereka cuba 'menyelesaikannya' sendiri selepas menyedari perkara itu dilakukan individu dikenali," katanya.

Katanya, CyberSecurity Malaysia sentiasa menganjurkan pelbagai program kese-

edaran bagi memastikan orang ramai berhati-hati dengan penjenayah siber selain menasihatkan mereka membuat laporan kepada pihak berkuasa.

Menurut statistik yang dikeluarkan laman web CyberSecurity Malaysia, sebanyak 8,172 laporan insiden keselamatan siber diterima agensi itu sepanjang Januari hingga

September lalu dengan 'spam', penipuan dan pencerobohan mendahului senarai.

Sebanyak 3,390 insiden spam dilaporkan, diikuti penipuan (2,499) dan pencerobohan (1,253).

Gangguan siber sebanyak (326), kod berbahaya (491), percubaan mencero- bohi (142) dan laporan ancaman siber (16).

Langkah untuk mengesan semula gambar & video yang sudah dipadamkan daripada telefon pintar

- Muat turun 'Aplikasi X' daripada komputer peribadi
- Lancarkan aplikasi pada komputer peribadi selepas muat turun selesai
- Sambungkan telefon pintar kepada komputer peribadi dan jangan tutup aplikasi berkenaan
- Terdapat beberapa pilihan di dalam aplikasi itu dan pilih sambungkan kepada telefon pintar
- Selepas aplikasi berjaya mengesan data yang sudah dipadamkan, pengguna boleh memilih bentuk fail yang ingin dikesan semula seperti gambar atau video
- Pengguna hanya perlu menandakan pilihan yang dikehendaki dan menekan butang 'jejak semula'
- Segala fail yang sudah dipadamkan akan disimpan dalam pemacu keras komputer peribadi
- Selain menjejaki gambar dan video, aplikasi itu boleh digunakan untuk menjejaki semula nombor telefon, mesej peribadi dan emel.

KERATAN AKHBAR

MINGGUAN MALAYSIA (RENCANA): MUKA SURAT 32

TARIKH : 1 NOVEMBER 2015 (AHAD)

TEKNO

1,000 sekolah berentap dalam Cabaran Sains Kebangsaan 2015



Oleh **KHAIRUNNISA SULAIMAN**
nisa.sulaiman@utusan.com.my

SEPERTI tahun-tahun lepas *National Science Challenge* (NSC) atau Cabaran Sains Kebangsaan menarik minat lebih 1,000 buah sekolah di seluruh negara untuk berentap dalam saringan awal yang berbentuk kuiz atas talian.

Semua sekolah boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan dengan setiap kumpulan perlu mempunyai seorang guru mentor dan tiga orang pelajar. Lima kumpulan terbaik daripada setiap negeri akan berentap mendapatkan kumpulan terbaik untuk ke peringkat akhir.

Kumpulan terbaik setiap negeri kemudian memasuki pusingan separuh akhir dalam Kem Sains di Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi Mara (UTM).

Semua pelajar akan diuji dalam kaedah penyelidikan, kerja berkumpulan dengan menyalin siri pemikiran kritikal dan analitis. Modul bagi kem berkenaan disediakan oleh Young Scientists Network Malaysia dengan seliaan mentor. Pada akhir kem, empat kumpulan terbaik diumumkan sebagai finalis untuk berentap di pusingan akhir.

Tahun ini empat kumpulan pelajar cemerlang bertarung dalam pusingan akhir NSC yang berlangsung di Pusat Pameran dan Konvensyen MATRADE, Kuala Lumpur. Dalam cabaran berkenaan SMJK Perempuan Cima Pulau Pinang dinobatkan sebagai juara bagi tahun 2015. Sekolah tersebut diwakili oleh cikgu Oon Siew See sebagai mentor dan pelajar Lee Ching Ching, Ong Xiaojing dan Tan Bing Chieh.

Tiga kumpulan lain adalah dari

Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 8 Selangor diwakili oleh cikgu Reveendran Velusamy dan pelajar Affan Adly Nazri, Lee Xiang Sheng dan Satish Kumar. Sekolah berkenaan mendapat tempat kedua.

Sekolah Menengah Kebangsaan Keat Hiwa, Kedah mendapat tempat ketiga, diwakili oleh cikgu Teh Wah Ping dan pelajar Chong Teng Yaw, See Jing Yin dan Neo Tzyy Zheng.

Sekolah Menengah Imtiaz Besut, Terengganu mendapat tempat keempat yang diwakili oleh cikgu Wan Nazri Wan Ishak@ Wan Mohammad dan pelajar Muhammad Iqbal Hamidullah Mohd Noor, Mohammad Azni Faiq Mohammad dan Muhammad Luqman Ali Johari.

Juara NSC mendapat hadiah utama tropi Cabaran Perdana Menteri dan peluang lawatan sambil belajar di Stockholm, Sweden bagi menghadiri majlis anugerah paling berprestij Hadiah Nobel yang berlangsung pada 10 Disember depan dan aktiviti berkaitan termasuk ceramah Nobel dan melawat Muzium Nobel dan Pusat Sains di sana.

Peralatan

Jangan sedih kerana pemenang lain tidak balik dengan tangan kosong. Selain memenangi peralatan elektronik mereka juga berpeluang melakukan lawatan sambil belajar ke Jepun selama seminggu pada Mei tahun depan di bawah program Sakura Exchange Programme in Science.

Program pertukaran yang diuruskan oleh Japan Science and Technology Agency termasuk penyelidikan dan muzium sains, eksperimen dan aktiviti *hands-on* dengan pemenang Hadiah Nobel serta peluang berinteraksi dengan pelajar Jepun.

Program berkenaan disasarkan



PELAJAR menjalankan eksperimen yang diberikan.

Kami berharap sumbangan jangka panjang akan membantu Malaysia dan mencipta generasi baharu saintis, penyelidik, jurutera dan pereka yang diperlukan untuk pembangunan negara.

untuk meningkatkan aspirasi pertukaran antara saintis muda Asia dengan Jepun serta menjalinkan kerjasama antara industri akademik kerajaan dalam menyokong agenda kerja dalam bidang sains.

NSC adalah pertandingan utama dalam bidang sains bagi pelajar aliran sains tingkatan empat yang dianjurkan oleh Akademi Sains Malaysia (ASM) dan Young Scientist Network (YSN-ASM) serta kerjasama dengan Subsidiari Exxonmobil di Malaysia sebagai penaja dan Japan Science & Technology sebagai rakan strategik.

Majlis berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah yang mewakili Menteri, Datuk Seri Panglima Madius Tangau.

Presiden dan Pengerusi Exxonmobil Subsidiaries Malaysia See Kok Yew berkata, sokongan Exxonmobil kepada NSC sebagai sebahagian daripada pelaburan jangka panjang dalam pembangunan modal insan terutama dalam pendidikan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM).

"Dengan menyokong program STEM kami berharap untuk menginspirasi dan menggalakkan lebih ramai pelajar menyahut cabaran dan mendapat kerjaya dalam bidang STEM."

"Untuk mana-mana negara membangun profesional STEM amat diperlukan untuk menyelesaikan masalah membangun, menyelesaikan dan cabaran pada masa akan datang."

"Kami berharap sumbangan jangka panjang akan membantu Malaysia dan mencipta generasi baharu saintis, penyelidik, jurutera dan pereka yang diperlukan untuk pembangunan negara."

Exxonmobil telah menyokong NSC sejak 2012 dengan sumbangan terkumpul lebih daripada RM1.3 juta.

Abu Bakar semasa membaca teks Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, berkata program seperti NSC akan membantu mencipta kesedaran lebih besar dan kepentingan STEM di kalangan pelajar dan membangunkan bakat baru untuk mencapai aspirasi negara ke arah menajayakan keperluan tenaga kerja STEM.

"Pelajar perlu sedar bahawa sains bukan saja menyeronokkan tetapi banyak perkara baru dan kerjaya

menarik hari ni seperti usahawan tekno, ketua pegawai teknologi dan ketua pegawai inovasi selaras dengan pembangunan dalam bidang STEM."

Sokongan yang ditunjukkan oleh Exxonmobil dan sektor swasta lain bagi NSC adalah contoh bagi rakan kongsi antara kerajaan dan swasta bagi pembangunan STEM dalam kalangan generasi akan datang," katanya.

ASM telah meneraji NSC sejak 1999 dan terus berusaha untuk meningkatkan format dan modul selaras dengan keperluan mengajar dan belajar sains dan matematik.

Tahun ini NSC mendapat sambutan menggalakkan dengan lebih 9,200 pelajar yang diuji pengetahuan mereka dalam fizik, biologi, kimia, matematik serta sains dan teknologi melebihi kurikulum sekolah.

Soalan bagi pusingan akhir direka untuk menguji keupayaan pelajar bagi mengaitkan teori saintifik dalam kehidupan seharian.

Kategori projek baru juga diperkenalkan yang mana kumpulan diperlukan untuk menyampaikan topik sains yang ditentukan termasuk model yang telah dibangunkan sebelum ini menggunakan bahan yang dibekalkan.

NSC disokong oleh MOSTI dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Kini selama 27 tahun berturut-turut NSC telah dikenali sebagai program utama berkaitan oleh ASM dan Exxonmobil bagi menjadikan sains menyeronokkan dan interaktif.

Mensasarkan pelajar bidang sains seluruh negara, pertandingan berkenaan bertujuan untuk mempromosikan dan meningkatkan minat dalam sains teknologi dan inovasi dalam kalangan pelajar.

SIAP SIAGA HADAPI BANJIR

» Agensi Pengurusan Bencana Negara
ditubuh urus hal ehwal bencana negara

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Banjir besar yang terburuk dalam sejarah negara di Pantai Timur tahun lalu mengorbankan nyawa serta memusnahkan kediaman penduduk terutama di Kelantan, sehingga ada yang terpaksa tinggal dalam khemah sehingga hari ini.

Malah, Jabatan Meteorologi meramalkan angin monsun timur laut atau lebih dikenali musim tengkujuh dijangka bermula awal minggu pertama November ini dan berakhir pada Mac depan.

Sebagai persediaan menghadapi musim banjir yang dijangka berlaku lagi, kerajaan mengumumkan penubuhan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) pada awal September lalu.

Ambil alih peranan MKN

APBN akan menguruskan hal ehwal berkaitan bencana yang melanda negara, diterajui oleh ketua pengarah bersama anggota pasukan serta aset sendiri.

Agensi baharu ini akan mengambil alih tugas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang selepas ini akan memberi tumpuan kepada isu berkaitan keselamatan negara.

Selain APBN, beberapa agensi lain seperti Jabatan Pertahanan



“Hujan lebat dijangka mula melanda di negeri itu seawal minggu ini yang dijangka menyebabkan bencana banjir di Pantai Timur dari November hingga Januari diikuti Sabah dan Sarawak pada Januari dan Februari”

Che Gayah Ismail,
Ketua Pengarah
Jabatan Meteorologi

Awam Malaysia (JPAM) dan Jabatan Bomba dan Penyelamat turut terbabit sama ketika musim banjir.

Jabatan Meteorologi menjangkakan Pahang bakal menerima taburan hujan paling tinggi pada musim tengkujuh kali ini diikuti Terengganu dan Kelantan.

Taburan hujan paling tinggi

Ketua Pengarahnya, Datuk Che Gayah Ismail berkata, hujan lebat dijangka mula melanda di negeri itu seawal minggu ini yang dijangka menyebabkan bencana banjir di Pantai Timur dari November hingga Januari diikuti Sabah dan Sarawak pada Januari dan Februari.

Katanya, Kuantan, Pekan dan Rompin akan menerima taburan hujan paling tinggi iaitu antara 780 milimeter (mm) dan 920mm pada Disember ini.

“Di Terengganu, hujan lebat dijangka melanda bulan ini dengan kadar taburan hujan antara 560mm dan 850mm sebelum ia dijangka menurun kepada antara 430mm dan 650mm pada bulan berikutnya.

“Di Kelantan, kawasan di Tumpat, Bachok, Kota Baharu, Pasir Putih dan Machang dijangka dilanda hujan lebat dengan kadar taburan hujan antara 530 mm hingga 790mm pada bulan ini sebelum menurun kepada 450 mm hingga 670mm pada Disember,” katanya.

ANTARA AGENSI PENYELAMAT TERBABIT KETIKA BANJIR

- Jabatan Pertahanan Awam (JPAM)
- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM)
- Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
- Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)
- Polis Diraja Malaysia (PDRM)
- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)
- Jabatan Kebajikan Masyarakat

Disember 2014:

Pasukan Paskau dari TUDM menghantar makanan kepada mangsa banjir di kawasan Manek Urai dengan menurunkan bekalan dari helikopter disambut oleh mangsa dengan menggunakan bot.

FOTO FATHIL ASRI/BBH



Be proactive during the monsoon

THE two front page reports last week said it all. On Oct 27, the headline was "A climate of fear" and on Friday, our Page One declared, "Monsoon storms in."

In a rather ironic way, the onset of the monsoon season is both a cause to rejoice and to despair. For the states blanketed in haze, the north-east monsoon's arrival has swept the haze away, and the blue skies and fresh air are back.

But the onset of the monsoon season also means that the states prone to floods have to endure the wild winds and rising waters. This may be an annual event, but the climate of fear still prevails, especially for those who still live under conditions brought about by last December's massive floods.

In Kelantan, for example, 14 families are still living in tents because their homes were swept away in that disaster.

The Meteorological Department is warning of rough seas and strong winds in the South China Sea. Unlike the haze where there was very little we could do to minimise its impact on our atmosphere, the early warning by the department means that we can be prepared to face the monsoon.

Thunderstorms have been predicted for Perlis, Kedah, Penang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur, Negri Sembilan, Malacca, Johor, Pahang, Kelantan, Sarawak and Labuan.

The department added that rain was expected all along the east coast of the peninsula and Sabah next week in the morning followed by thunderstorms in the evening in most parts of the country.

The authorities have already met to discuss flood relief measures and it is important that they learn from the past.

Minister in the Prime Minister's Department Datuk Seri Shahidan Kassim said a total of 5,161 flood relief centres had been readied and could shelter 1.5 million victims.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek said the Government would help farmers relocate livestock, moveable agricultural produce, machinery and other resources to secure centres if floods hit farms.

Kudos to the authorities for being so well prepared. At the same time, we must also urge groups and individuals who usually respond to such emergencies to make similar early preparations.

For example, if the relief centres have been identified, it is important that they are also properly stocked up with the provisions that the victims need if they are relocated there. They include food items as well as clothing and blankets.

It makes sense for these good-hearted souls to make their way to these centres now rather than after the flood waters rise, which effectively cut off vital transportation lines.

We have seen how difficult it was to work under such conditions. Corporations that hold campaigns to help the flood victims should do so now so they can collect the necessary provisions and send them to the relief centres.

It may be a bit difficult to move people to donate when they have yet to see the actual conditions, but it makes good sense to think as far ahead as possible.

The haze has affected the nation in so many ways but many of the measures taken, such as the closure of schools, appear to be more reactive than proactive.

For the monsoon season, let us be as proactive as possible. As a nation, we always come together to face any problem brought about by nature's wrath.

Those who are spared will have to help out those affected. As long as we are well prepared, we will overcome what the yearly north-east monsoon will bring this time around.